

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PAS LETAK KERETA KHAS ORANG KURANG UPAYA (OKU)
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Syarat-syarat Pas Percuma Tempat Letak Kereta Orang Kurang Upaya (OKU) adalah seperti berikut :-

Syarat-Syarat Am

- (i) Borang Permohonan Pas Percuma Tempat Letak Kereta OKU MBPP boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang MBPP atau hadir secara fizikal di kaunter MBPP Paras 3, KOMTAR dan setiap permohonan hanya layak untuk satu (1) kenderaan sahaja.
- (ii) Permohonan adalah terbuka kepada pemohon yang beralamat di Pulau Pinang sahaja.
- (iii) Kemudahan Pas Percuma ini adalah terhad untuk Tempat Letak Kereta di bawah seliaan MBPP sahaja.
- (iv) Permohonan boleh dibuat oleh OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia atau penjaga dan **alamat perlu sama** dengan OKU.
- (v) Definasi penjaga adalah suami, isteri, anak, ibu bapa dan ahli keluarga terdekat sahaja.
- (vi) Permohonan melalui penjaga perlu menyertakan dokumen yang membuktikan pertalian keluarga seperti Sijil Kahwin atau Sijil Kelahiran.
- (vii) Pas Percuma Tempat Letak Kereta OKU MBPP hendaklah diperbaharui setiap dua (2) tahun.
- (viii) Pas Percuma Tempat Letak Kereta OKU MBPP hanya boleh digunakan untuk kenderaan yang dimohon dan tidak boleh digunakan ke atas kenderaan lain.
- (ix) Pas Percuma Tempat Letak Kereta OKU MBPP akan dibatalkan sekiranya OKU meninggal dunia.

Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan sekiranya kenderaan yang diletakkan di petak letak kereta OKU yang tidak mempamerkan dokumen-dokumen seperti berikut :-

- i) Pelekat Kenderaan OKU yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia atau ;
- ii) Kad OKU atau ;
- iii) Salinan Kad OKU

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
JABATAN PERBENDAHARAAN
UNIT LETAK KERETA
PARAS 3 , KOMTAR
10675 PULAU PINANG
NO. TELEFON : 04-2592130/04-2613605
e-mel : shamsiah@mbpp.gov.my